



EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum jam 12.00 tengah hari, 5 November 2025

Untuk Terbitan Media
5 November 2025

SIARAN MEDIA

EBM PERKUKUH PASARAN BURUH, SEIRING AMALAN TERBAIK NEGARA MAJU

KUALA LUMPUR: Pelaksanaan Elaun Bantuan Mobiliti (EBM) meletakkan Malaysia sebaris negara maju yang menggariskan dasar menyokong penghijrahan tenaga kerja, seiring amalan terbaik antarabangsa.

Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) menerusi kenyataan memaklumkan, pengenalan EBM juga menjadikan Malaysia antara negara terawal di Asia Tenggara yang memperkenalkan dasar khusus bagi menyokong peralihan tenaga kerja.

Katanya, dasar seumpama itu kini diamalkan di negara maju seperti Finland, Jerman, United Kingdom, Australia dan Kanada, yang menyediakan bantuan mobiliti atau galakan penempatan semula pencari kerja.

“Langkah ini berupaya membantu rakyat yang memerlukan dan pada masa sama memberi galakan untuk mereka terus bekerja meskipun lokasi baharu jauh dari rumah.

“Menerusi pengenalan EBM, Malaysia kini sebaris negara maju yang memberi keutamaan kepada dasar mobiliti tenaga kerja sebagai strategi meningkatkan kebolehpasaran dan daya saing ekonomi negara.

“Hakikatnya, ini bukan sekadar bantuan kewangan, tetapi merupakan langkah strategik ke arah membina pasaran kerja yang lebih responsif, inklusif dan berdaya tahan,” menurut kenyataan itu.

Pengenalan EBM merupakan antara cadangan pindaan Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (LINDUNG Kerjaya) yang mana bacaan kali pertama dibentangkan Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong, di Dewan Rakyat, semalam.

Selain itu, penambahbaikan lain yang dicadangkan adalah peningkatan kadar Elaun Bekerja Semula Awal (EBSA) kepada 50 peratus daripada baki Elaun Mencari Pekerjaan (EMP).

Pindaan kepada akta itu turut mencadangkan Elaun Latihan (EL) dinaikkan kepada kadar rata RM30 sehari berbanding RM10 ke RM20 sehari sebelum ini dan peningkatan Fi Latihan (FL) daripada maksimum RM4,000 kepada RM7,000.

“Pindaan Akta ini akan memperkukuh tatakelola dan pengoperasian LINDUNG Kerjaya, termasuk

mempercepat proses tuntutan, memperkemas prosedur pentadbiran serta meningkatkan penggunaan data pasaran kerja.

“PERKESO komited untuk memastikan pelaksanaan pindaan akta ini dapat memperkukuh pasaran kerja negara dan memastikan setiap rakyat mempunyai peluang pekerjaan yang produktif serta dilindungi oleh sistem keselamatan sosial yang mampan,” menurut kenyataan dikeluarkan PERKESO.

##TAMAT##

Mengenai LINDUNG

LINDUNG ialah penjenamaan semula skim perlindungan keselamatan sosial PERKESO yang dilancarkan pada 22 Ogos 2025 sebagai langkah strategik memperkukuh peranan dalam melindungi rakyat. Pendekatan ini lebih segar, inklusif, mudah diingati dan berimpak tinggi bagi menyampaikan mesej perlindungan sosial secara meluas dan berkesan. Ia bertujuan memperluas capaian, meningkatkan kesedaran serta memperkukuh kepercayaan rakyat terhadap PERKESO sebagai pelindung utama keselamatan sosial. Di bawah penjenamaan ini, Akta 4 dikenali sebagai **LINDUNG PEKERJA**, Akta 800 sebagai **LINDUNG KERJAYA**, Akta 789 (SKSPS) sebagai **LINDUNG KENDIRI**, dan Akta 838 (SKSSR) sebagai **LINDUNG KASIH**. Maklumat lanjut di www.perkeso.gov.my.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat

5 November 2025

Untuk pertanyaan media, sila hubungi

Iklil Fatihah Kamal Redzuan

+6019-3273193

fatihah.redzuan@perkeso.gov.my

Ridauddin Daud

+6019-3265772

ridauddin.daud@perkeso.gov.my